

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[ TELOK KEMANG ]**  
**TARIKH** : **19.6.2014**  
**SOALAN** :

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar Malaysia di sekolah-sekolah rendah dan menengah; dan
- (b) langkah-langkah dalam menangani masalah kelemahan pelajar Malaysia berbahasa Inggeris.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2013, prestasi mata pelajaran Bahasa Inggeris meningkat iaitu sebanyak -0.05 mata daripada Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) 5.99 pada tahun 2012 kepada 5.94 mata pada tahun 2013. Ini bererti peratus yang calon yang lulus Bahasa Inggeris pada tahun 2013 adalah 80 peratus berbanding 77.1 peratus pada tahun 2012.
- (b) Pelbagai langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menangani masalah kelemahan murid berbahasa Inggeris iaitu:

- 1) Memperkenalkan Program LINUS 2.0 (Literasi Bahasa Inggeris). Program ini diwujudkan bagi memastikan murid sekolah rendah menguasai bahasa Inggeris dengan baik serta meningkatkan lagi penguasaan asas literasi dalam kalangan murid Tahap Satu.
- 2) Satu komponen dalam kurikulum Bahasa Inggeris iaitu Sastera Kontemporari Kanak-kanak telah diperkenalkan. Tujuan komponen ini adalah bagi memupuk minat membaca dalam kalangan murid serta menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris secara kritis dan kreatif bagi membangunkan nilai estetika dalam kalangan murid. Sastera Kontemporari Kanak-Kanak diajar dari Tahun 4, 5 dan 6 di semua sekolah rendah.
- 3) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) memperkenalkan Modul Seni Bahasa (*Language Arts*) untuk menggalakkan ekspresi kreatif dan didik hibur di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.
- 4) Di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), KPM telah meningkatkan jumlah jam pembelajaran Bahasa Inggeris diperingkat sekolah rendah dalam seminggu bagi memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris.

TAHAP	KBSR	KSSR
TAHAP 1		
SK	240 minit	300 minit
SJK	210 minit	300 minit
TAHAP 2		
SK	60 minit	150 minit
SJK	90 minit	180 minit

- 5) Program Penutur Jati juga membantu para guru meningkatkan tahap profisiensi dan pedagogi mereka di dalam bilik darjah. Dengan peningkatan profisiensi serta tahap pedagogi guru, penguasaan bahasa Inggeris murid juga akan meningkat kerana guru-guru yang dimentor oleh penutur jati menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan, memberangsangkan dan menarik. Guru yang dimentor oleh penutur jati juga didedahkan kepada kaedah pengajaran yang pelbagai untuk peningkatan penguasaan bahasa Inggeris murid.

**NO. SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6919**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Nigeria di dalam Malaysia setakat ini dan jenis-jenis visa atau kebenaran yang diberikan untuk mereka masuk ke negara ini. Berapakah jumlah dari golongan ini yang terlibat dengan jenayah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan kemasukan warganegara asing ke negara ini adalah terkawal.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 April 2014, seramai 10,105 orang warga Nigeria didapati berada di Malaysia dengan memegang pelbagai pas iaitu Pas Pelajar, Pas Lawatan Ikhtisas, Pas Penggajian Pekerja Asing manakala seramai 5,640 orang warga Nigeria telah tiba di Malaysia sebagai pelancong pada tahun ini.**

**Daripada Januari sehingga April 2014, sejumlah 136 warga Nigeria telah ditahan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU  
KAWAN]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 37**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab-sebab mengapa dalam tempoh 5 tahun ini, kemalangan yang melibatkan bas meningkat tiga kali ganda daripada 70 dalam 2008 sehingga 214 di 2012 dan apakah usaha-usaha pencegahan oleh Kerajaan dan pihak swasta supaya ianya tidak berulang.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh PDRM, kemalangan melibatkan bas pada tahun 2008 adalah sebanyak 18,942 kes manakala pada tahun 2012 adalah sebanyak 10,617 kes. Ini menunjukkan kemalangan melibatkan bas dari tahun 2008 ke 2012 mengalami penurunan sebanyak 43.9% dalam tempoh 5 tahun tersebut. Berdasarkan hasil siasatan kemalangan jalan raya yang telah dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) daripada tahun 2007 hingga 2010, adalah didapati tiga penyumbang utama kemalangan yang melibatkan bas iaitu memandu secara laju, kelesuan pemandu serta pemanduan yang berisiko.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang keselamatan jalan raya di kalangan pengusaha-pengusaha dan pemandu-pemandu bas pelancongan, persiaran dan ekspres. Antara program dan aktiviti di bawah intervensi pendidikan yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) memberi khidmat nasihat mengenai pemanduan selamat kepada pemandu-pemandu bas di samping melekatkan pelekat *Visibility Enhancement Material* (VEM) bas bagi meningkatkan kebolehlihatan (*visibility*) bas tersebut;

- (ii) program '*Respect Your Limit*' yang dianjurkan oleh PLUS dengan kerjasama agensi-agensi berkiatan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pemandu-pemandu dan pengusaha-pengusaha kenderaan berat mengenai aspek-aspek pemanduan dan penjagaan kenderaan;
- (iii) menggalakkan pengusaha bas untuk menggunakan *Malaysian Standard ISO39001: Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas* bagi membantu mereka meningkatkan tahap pengurusan syarikat dalam aspek keselamatan jalan raya;

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, elemen penguatkuasaan juga dititiberatkan oleh Kerajaan dalam memastikan pemandu bas sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam usaha mengelakkan kemalangan jalan raya daripada terjadi. Sebagai contoh, pemeriksaan air kencing yang dijalankan secara rawak setiap hari di terminal-terminal bas utama di seluruh negara dalam menangani pengambilan dadah oleh pemandu bas semasa memandu. Kerajaan juga turut mengambil inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) mewajibkan pengusaha kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam mematuhi 'Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Sektor Pengangkutan 2010' yang dikuatkuasakan melalui syarat bagi mendapatkan permit; dan



- (ii) mengeluarkan 'Pekeliling Pelaksanaan Kod Amalan Industri: Keselamatan Untuk Pengendali Bas Bagi Operasi di Kawasan Tanah Tinggi'. Antara keperluan yang terkandung di dalam Pekeliling tersebut adalah mewajibkan pemasangan *Global Positioning Satellite System* (GPS), *Anti-lock Braking System* (ABS), kamera CCTV di ruang *dashboard* atau ruang yang bersesuaian, sistem keselamatan brek seperti *Engine Retarder/ exhaust brake* dan pematuhan peraturan *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) iaitu Peraturan 66 (keselamatan *Superstructure* kenderaan) dan Peraturan 80 (bagi pemasangan tali pinggang keledar untuk semua kerusi penumpang); dan
- (iii) penguatkuasaan *Safety Star Grading* kepada semua operator bas bermula Julai 2014 bagi membolehkan pengguna mengetahui tahap keselamatan pengoperasian syarikat bas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan pihak pengendali bas sentiasa mematuhi *Industrial Code of Practice - Safety, Health & Environment* (ICOP-SHE), tindakan yang tegas telah diambil oleh pihak SPAD dengan menggantung lesen lapan pengendali bas yang tidak mematuhi keperluan dan aspek pelaksanaan ICOP-SHE seperti pengurusan pemandu dan kenderaan, serta pemantauan kelajuan bas. Tindakan penggantungan ini akan dijalankan secara berterusan dan pembatalan lesen pengendali akan dilakukan sekiranya terdapat elemen kecuaiian walaupun peringatan telah diberikan kepada mereka.